

UMS anjur forum filem bersama David Teo

DE 15.9.2013 4

SEKOLAH Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan forum filem bersama penerbit filem Malaysia, David Teo yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Metrowealth International Group (MIG) pada 21 September 2013 (Sabtu) jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Resital, UMS.

Forum bersama dengan produser yang terkenal dalam menerbitkan filem-filem seperti *Jangan Pandang Belakang*, *Bini-biniku Gangster*, *Adnan Sempit* dan banyak lagi itu merupakan sebahagian daripada usaha SPS dalam menjalinkan hubungan dengan pelbagai pihak industri kreatif melalui Program Rakan Kerjasama Industri SPS (SPS Industry Partnership Programme).

Pihak SPS sebenarnya telah lama mengadakan program-program bersama dengan tokoh-tokoh terkenal dalam industri kreatif yang meliputi industri muzik, profileman, tarian, teater dan penulisan.

Program bersama David Teo merupakan usaha berterusan yang dilakukan oleh SPS bagi meluaskan lagi jaringan kerjasama dan hubungan dengan pihak-pihak yang terlibat dalam industri kreatif bagi membolehkan perkongsian menang-menang dilakukan.

Program seperti ini antaranya membolehkan SPS merangka program kerjasama seperti pertukaran dan perkongsian kepakaran antara tenaga pensyarah dan mereka yang terlibat secara langsung dalam industri; memastikan peluang pelajar SPS sentiasa terbuka untuk menjalani latihan industri di organisasi-organisasi seni yang prolifik, sekali gus bersaing dengan graduan-graduan institusi pengajian tinggi (IPT) lain dalam pasaran kerja.

Melalui program seumpama ini, industri kreatif di Sabah akan terus berkembang dan membangun melalui perkongsian ilmu pengetahuan terkini yang berkaitan dengan industri.

Menurut Penyelaras Program, Dr. Zairul Anuar Md. Dawam, program bersama David Teo amat istimewa kerana para penggiat seni di Sabah khususnya yang melibatkan diri dalam bidang lakonan dan profileman untuk berkongsi secara peribadi kejayaan dan cabaran yang dilalui oleh David Teo dalam industri atau perniagaan filem.

Katanya, mereka yang hadir dalam program tersebut boleh bertanya apa jua soalan berkaitan dengan industri dan isu-isu yang berkait dengan dunia profileman di Malaysia.

"David Teo merupakan seorang penerbit yang bersifat terbuka dalam menyuarakan pendiriannya dalam beberapa isu profileman. Antaranya, beliau pernah membantah penghapusan insentif pemulangan duti hiburan kepada para penerbit, isu penjualan filem baru di Astro First dan skim wajib tayang. Isu-isu ini akan dibincangkan secara terbuka dalam forum tersebut itu nanti," katanya.

Tambahnya lagi, para penggiat industri di Sabah tidak harus

melepaskan peluang untuk bertanya apa-apa soalan sepanjang sesi forum tersebut berlangsung.

"Forum ini berbeza dengan forum-forum lain kerana selama tiga jam, David Teo akan bersedia secara spontan untuk menjawab pelbagai soalan daripada pihak audiens yang hadir.

Dr. Zairul turut memberitahu, sehari sebelum forum iaitu pada 20 September 2013 (Jumaat), bertempat di Dewan Resital pada jam 4.00 petang dan 8.00 malam, pihak MIG telah bermurah hati untuk menayangkan dua buah filem baru, *Adnan Sempit* 3 lakonan Shaheizy Sam dan Intan Ladyana, dan filem *Paku Pontianak* terbitan MIG secara percuma.

Selain itu, beliau turut berharap para penggiat industri mengambil peluang menghadiri forum terbuka kepada semua pihak secara percuma untuk mempelajari strategi dan rahsia perniagaan yang membolehkan MIG menjadi sebuah syarikat profileman terbesar di Malaysia dan mampu bertahan sehingga ke hari ini.

MIG yang telah menghasilkan pelbagai genre filem pernah berhadapan dengan pelbagai rintangan perniagaan. Antaranya, MIG turut berasa tempias kemererosoton kutipan *box-office* filem-filem tempatan, namun MIG tetap meneruskan objektifnya untuk menerbitkan filem-filem tempatan.

"Ini membuktikan bahawa terdapat sesuatu yang istimewa pada David Teo sebagai penerbit dan ahli perniagaan untuk dikongsi dan dijadikan panduan kepada para penggiat filem di Sabah yang berhasrat untuk menceburi perniagaan filem," kata Dr. Zairul.

Para penggiat seni dan pihak-pihak yang berminat untuk menyertai program bersama David Teo, dialu-alukan untuk ikut serta kerana penyertaan adalah percuma. Kepada individu atau organisasi yang berminat dan ingin mendapatkan maklumat lanjut, boleh berbuat demikian dengan menghubungi Sekolah Pengajian Seni di talian 088-320000 sambungan 2213 (Puan Shanty) atau 088-320000 sambungan 2707 (Dr. Zairul).



David